

# Kebebasan bersuara bukan bersifat mutlak

**K**epelbagaian kaum dan agama menjadikan Malaysia sentiasa unik dengan isu kebebasan bersuara.

Kebebasan bukan bermakna seseorang atau kumpulan boleh melakukan apa saja kerana bakal mengundang isu agama, politik dan kaum.

Hak kebebasan bersuara tidak pernah bersifat mutlak di mana-mana negara termasuk Amerika Syarikat (AS). Ada peruntukan undang-undang yang membataskan tindakan seseorang bagi memastikan ti-

dak berlaku rusuhan jalanan yang berpunca daripada perbezaan pendapat.

## **Akta hadkan kebebasan bersuara**

Malaysia mempunyai pelbagai akta yang mengehadkan kebebasan bersuara seperti Akta Hasutan 1948, Akta Kefitnahan 1957, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan sebagainya.

Sekarang ada pihak yang

menunjuk perasaan kerana mendakwa media massa tidak bebas.

Dakwaan berkenaan tidak benar kerana peruntukan undang-undang sekadar untuk mengawal keharmonian kaum di negara ini.

Bekas Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Tun Musa Hitam, berpendapat tidak wujud apa yang dikenali sebagai kebebasan media yang mutlak. Beliau menyokong agar kebebasan media harus diikat dengan tanggungjawab dalam menyampaikan laporan dan penghasilannya.

Jika media serta pengamalannya saling melagakan masyarakat yang berbilang

kaum, maka penduduk akan berada dalam keadaan tidak aman, menjadi keliru dan hidup dalam penuh kebencian.

## **Undang-undang jaga keharmonian masyarakat**

Semua masyarakat mempunyai hak dan kebebasan bersuara tanpa mengira kaum atau pangkat. Namun, harus diingat undang-undang perlu dilaksanakan demi menjaga keharmonian dan kestabilan masyarakat yang berbilang kaum dan bangsa supaya tidak mengganggu sensitiviti masing-masing.

**Nur Izatul Izyan USIM**